

Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**. Jawab semua di **Bahagian A** dan dua soalan daripada **Bahagian B**.

**Bahagian A**

**[60 markah]**

Jawab **semua** soalan.

1. (a) Nyatakan dua andaian perakaunan. [2 markah]

- (b) Kesilapan yang berikut dikesan oleh kerani akaun Perniagaan Suhana.

Pada 23 Ogos 2022, belian kredit bernilai RM4 260 daripada Yasmeen Enterprise telah direkod dalam akaun Jasmeen Enterprise.

Betulkan kesilapan tersebut melalui catatan Jurnal Am (keterangan tidak diperlukan). [2 markah]

- (c) Maklumat berikut dipetik dari Kelab Futsal Kg Jawa pada 1 Januari 2022.

	RM
Bank	18 400
Alatan Kelab	25 600
Gelanggang Kelab	55 000
Yuran ahli belum terima	360
Yuran ahli belum terperoleh	240

- i) Hitung dana terkumpul kelab pada 1 Januari 2022. [2 markah]  
ii) Berikan dua contoh pendapatan hasil bagi kelab ini. [2 markah]

- (d) Maklumat berikut diperoleh dari buku perakaunan Kilang Kain Narima.

	RM
Inventori awal bahan langsung	6 500
Belian bahan langsung	37 200
Kos operator kilang	21 300
Kos penyelia kilang	8 500
Sewa kilang	10 000
Inventori akhir bahan langsung	10 250

Hitungkan kos prima. [2 markah]

2. Kama, Kami dan Kamu merupakan pekongsi bagi Perkongsian 3Ka yang membahagikan untung dan rugi mengikut nisbah 3:2:1. Mereka bersetuju untuk membubarkan perkongsian pada 30 April 2022. Pada tarikh pembubaran, aset dan liabiliti perniagaan adalah seperti berikut.

	Debit	Kredit
	RM	RM
Kenderaan	20 000	
Perabot	5 400	
Bank	2 300	
Inventori akhir	4 200	
Akaun belum terima	5 300	
Akaun belum bayar		15 770
Modal Kama		8 000
Modal Kami		6 000
Modal Kamu		3 000
Akaun semasa Kama		1 850
Akaun semasa Kami		2 160
Akaun semasa Kamu		420

**Maklumat tambahan:**

- Inventori dijual dengan harga RM3 000 dan perabot diambil alih oleh Kami pada nilai RM3 600.
- Kama telah mengambil alih kenderaan dengan harga RM12 600. Beliau akan membawa masuk wang tunai sekiranya terdapat kekurangan dalam Akaun modalnya.
- Semua hutang dapat dikutip kecuali RM1 000 dianggap sebagai hutang lapuk.
- Belanja pembubaran dijelaskan sebanyak RM480.
- Akaun belum bayar dijelaskan dengan potongan RM300 daripada jumlah hutang.
- Semua urusan niaga penerimaan dan pembayaran dibuat melalui bank.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- |  |            |
|--|------------|
| (a) Akaun Realisasi  | [7 markah] |
| (b) Akaun Bank   | [4 markah] |
| (c) Akaun Modal Pekongsi                                   | [6 markah] |
| (d) Akaun Belum Bayar                                      | [1 markah] |
| (e) Akaun Belum Terima                                     | [2 markah] |
| (f) Berikan <b>3 sebab</b> pembubaran perkongsian berlaku. | [3 markah] |
| (g) Berikan <b>2 fungsi</b> Akaun Realisasi.               | [2 markah] |

3. Imbangan Duga Perniagaan Ammar pada 30 Jun 2022 adalah seperti berikut:

	Debit	Kredit
	RM	RM
Belian dan Jualan	65 164	204 960
Pulangan	657	445
Gaji	57 520	
Belanja am	17 423	
Belanja kenderaan	2 564	
Sewa		6 000
Insurans premis	2 150	
Ambilan	6 500	
Premis (kos)	195 000	
Kenderaan (kos)	50 000	
Lengkapan (kos)	25 000	
Akaun belum terima dan Akaun belum bayar	25 600	13 200
Bank		9 813
Pusat Kenderaan Noor	14 840	
Inventori 1 Julai 2021	6 000	
Peruntukan hutang ragu		312
Susut nilai terkumpul:		
Kenderaan		24 000
Lengkapan		10 000
Modal		199 688
	<u>468 418</u>	<u>468 418</u>

**Maklumat tambahan pada 30 Jun 2022:**

(i) Inventori dinilai dan dicatat dalam kad stok berasingan:

	Harga kos	Harga pasaran
	RM	RM
Kad Inventori 1	2 450	4 920
Kad Inventori 2	1 740	1 760
Kad Inventori 3	1 590	1 380
Kad Inventori 4	940	960

(ii) Sewa belum terima RM2 000.

(iii) Gaji belum bayar RM1 200.

- (iv) Hutang lapuk dihapuskan RM400.
- (v) Peruntukan hutang ragu dikekalkan 1% atas Akaun belum terima bersih.
- (vi) Bayaran kepada Pusat Kenderaan Noor adalah untuk:
  - Kenderaan baharu dibeli pada 1 Januari 2022 dengan harga RM14 600
  - Insurans untuk kenderaan baharu sehingga 31 Disember 2022, RM240
- (vii) Semua aset bukan semasa disusutnilai setahun penuh tanpa mengambil kira tarikh pembelian aset:
  - Premis - tiada
  - Kenderaan - 30% mengikut kaedah baki berkurangan
  - Lengkapan - 20% mengikut kaedah garis lurus

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2022  
[15 markah]
- (b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2022  
[10 markah]

## Bahagian B

[40 markah]

Jawab mana-mana **dua** soalan daripada bahagian ini.

4. Puan Qurratul seorang pengusaha kedai kek bercadang mengeluarkan satu jenis kek terbaru iaitu Kek Marble Berinti Kelapa. Harga jualan sebiji kuih ialah RM8.50. Berikut ialah anggaran kos dan hasil pengeluaran bagi kek tersebut.

	RM
Susut nilai mesin dan alatan	2 600 setahun
Kos pengiklanan	700 setahun
Tepung	0.60 sebiji
Mentega	1.80 sebiji
Telur	1.60 sebiji
Bahan mentah lain	0.40 sebiji
Pembungkusan	0.60 sebiji
Upah pekerja	0.50 sebiji

**Anda dikehendaki:**

- (a) Menghitung
- (i) jumlah kos berubah. [1 markah]
  - (ii) Titik Pulang Modal dalam unit dan ringgit. [3 markah]
- (b) Berdasarkan jawapan anda di (a), Lukis Graf Titik Pulang Modal pada kertas graf dengan menggunakan skala yang sesuai. Anda perlu:
- (i) lakar dan labelkan semua garisan pada graf. [5 markah]
  - (ii) tunjukkan Titik Pulang Modal. [2 markah]
  - (iii) lorekkan bahagian untung dan rugi. [2 markah]
- (c) Berapa unit yang perlu dijual sekiranya Puan Qurratul ingin mendapat keuntungan RM15 000. [2 markah]
- (d) Pada tahun hadapan, harga semua bahan mentah dijangka meningkat RM1.00 seunit. Oleh itu Puan Qurratul akan meningkatkan harga jualan kepada RM9.00. Berapakah titik pulang modal baru (unit dan RM)? [3 markah]
- (e) Apakah perbezaan kos tetap dan kos berubah? [2 markah]

5. (a) Encik Izat Muslim merupakan pemilik Izat Store yang membekalkan kasut sekolah jenama tempatan. Pada 1 Jun 2022 aset dan modal perniagaan ini adalah seperti berikut :

	RM
Tunai di tangan	400
Tunai di bank	49 600
Inventori	35 000
Premis	65 000
Modal	150 000

Dokumen perniagaan berikut menunjukkan urus niaga Izat Store sepanjang bulan Jun 2022:

<b>ASAL</b>  Izat Store 125 Pekan Manir 21200 Kuala Terengganu Terengganu	<b>KASUT ZULA SDN. BHD</b> 66B Jalan Bandar, 26080 Kuantan Pahang Tel : 09-5216389	<b>BT : 0083</b>  <b>BIL TUNAI</b>  Tarikh : 3 Jun 2022
--	---	---

  

Kuantiti	Perkara	Harga Seunit RM	Jumlah RM
30 pasang	Kasut jenama Kilat	26.00	780.00
50 pasang	Kasut jenama Zeepple	27.00	1 350.00
Jumlah			2 130.00

(Ringgit : Dua ribu seratus tiga puluh sahaja)

RM2 130.00	
Tunai / Cek	PBMB 136350

*Zulaika*  
 Pengurus

Dokumen 1

**ASAL**

**AZWA SDN BHD**  
12 Jalan Melodi Bukit Pasir,  
58000 Batu Pahat Johor  
Tel : 07-7336480

INV : 035

**INVOIS**

Izat Store  
125 Pekan Manir  
21200 Kuala Terengganu  
Terengganu

Tarikh : 9 Jun 2022

Kuantiti	Perkara	Harga Seunit RM	Jumlah RM
50 pasang	Kasut jenama Kilat	26.00	1 300.00
50 pasang	Kasut jenama G8	38.00	1 900.00
30 pasang	Kasut jenama Hebat	35.00	1 050.00
Tolak : Diskaun niaga 20%			850.00
<b>Jumlah</b>			<b>3 400.00</b>

(Ringgit : Tiga ribu empat ratus sahaja)

**Syarat :** 10% 5 hari, 5% 10 hari

Angkutan di bayar

K.&amp; K. Di K

*Aizat*

Penerima

*Azwa*

Pengurus

Dokumen 2



Tarikh :	10 Jun 2022	
Penerima:	Izat Store	
Kerana :	Kegunaan perniagaan	
	<b>Ringgit</b>	<b>Sen</b>
Baki akhir	47 470	00
Dimasukkan	-	-
Jumlah	47 470	00
Cek ini	400	00
Baki	44 070	00
No: 136352		

Dokumen 3

<b>SALINAN</b>	<b>IZAT STORE</b> 125 Pekan Manir 21200 Kuala Terengganu Terengganu Tel : 09-6134577	<b>BT : 0081</b>
<b>Arif Enterprise</b> 101 Kampung Kuala Woh 21700 Kuala Berang	<b>BIL TUNAI</b>	Tarikh : 15 Jun 2022

Kuantiti	Perkara	Harga Seunit RM	Jumlah RM
10 pasang	Kasut jenama Kilat	36.00	360.00
20 pasang	Kasut jenama Zeepple	37.00	740.00
Jumlah			1100.00

(Ringgit : Seribu seratus sahaja)

RM1 100.00	
Tunai / Cek	PBMB 435950

*Aizat*  
Pengurus

Dokumen 4

<b>ASAL</b>	<b>AZWA SDN BHD</b> 12 Jalan Melodi Bukit Pasir, 58000 Batu Pahat Johor Tel : 07-7336480	<b>R 0343</b>
<b>RESIT RASMI</b>		
Tarikh: 17 Jun 2022		
Diterima daripada : <u>Izat Store</u>		
Ringgit : <u>Tiga ribu dua ratus tiga puluh sahaja.</u>		
Untuk bayaran : <u>Menjelaskan sepenuhnya invois no INV 035.</u>		
<div style="border: 1px solid black; display: inline-block; padding: 5px; margin: 10px 0;"> <b>RM3 230/=</b> </div>		
Tunai / No. Cek : PBMB 136351		<i>Azwa</i> Pengurus

Dokumen 5

<b>SALINAN</b>	<b>IZAT STORE</b> 125 Pekan Manir 21200 Kuala Terengganu Terengganu Tel : 09-6134577	NO: 0101/18	
<b>BAUCER PEMBAYARAN</b>			
Kepada Tenaga Nasional Bhd 2081 Jalan Air Jernih 20100 Kuala Terengganu		Tarikh : 26 Jun 2022	
<b>Bil</b>	<b>Keterangan</b>	<b>Tunai / Cek</b>	<b>Jumlah RM</b>
1.	Elektrik bulan Jun 2022	Tunai	250.00
<b>Jumlah</b>			250.00
<div style="display: flex; justify-content: space-between;"> <div> <p><b>(Ringgit: Dua ratus lima puluh sahaja)</b></p> <p>Akuan penerimaan:</p> <p style="text-align: center;"><i>Fadiz</i></p> <p style="text-align: center;">Penerima</p> </div> <div> <p>Diluluskan oleh:</p> <p style="text-align: center;"><i>Aizat</i></p> <p style="text-align: center;">Pengurus</p> </div> </div>			

Dokumen 6

**Anda dikehendaki menyediakan Buku Tunai (gunakan LAMPIRAN A)**

[10 markah]

- (b) Maklumat berikut diambil daripada buku perakaunan Gemersik Enterprise pada 1 Julai 2022.

	RM
Kenderaan	98 000
Alatan Pejabat	12 500
Akaun Belum Terima	9 950
Inventori	7 300
Bank	6 100
Modal	105 450
Akaun Belum Bayar	8 400
Pinjaman	20 000

Perkara-perkara berikut telah berlaku sepanjang bulan Julai 2022 :

- Julai 2 Menjual barang niaga berkos RM2 000 secara kredit pada harga RM2 400.
- 5 Pemilik mengambil barang niaga bernilai RM300 dan cek sebanyak RM500 untuk kegunaan keluarga.
- 9 Sekeping cek bernilai RM3 000 daripada Akaun Belum Terima telah ditanda sebagai rujuk penyuruh bayar.
- 11 Memulangkan barang yang rosak sebanyak RM300 kepada Akaun Belum Bayar.
- 16 Menerima cek yang bernilai RM2 500 daripada Akaun Belum Terima dan memberi diskaun RM250.
- 28 Pemilik membawa masuk komputer ke dalam perniagaan bernilai RM1 500 sebagai kegunaan perniagaan.
- 31 Membayar gaji pekerja berjumlah RM2 000 dengan cek.

**Anda dikehendaki menyediakan** jadual persamaan perakaunan yang telah disediakan (LAMPIRAN B)

[ 10 markah ]

6. Maklumat berikut dipetik daripada buku Perniagaan Aiman pada 31 Disember 2021.

	1 Januari 2021 RM	31 Disember 2021 RM
Baki Akaun Belum Terima	3 224	3 820
Baki Akaun Belum Bayar	3 160	3 468

Baki-baki yang berikut diambil daripada lejarnya pada 31 Disember 2021.

	RM
Belian tunai	6 122
Jualan tunai	6 522
Pulangan jualan	146
Pulangan belian	168
Angkutan dikenakan oleh pembekal	226
Faedah dikenakan kepada pelanggan	34
Peruntukan hutang ragu	50
Terima cek daripada pelanggan termasuk hutang lapuk terpulih sebanyak RM 240.	12 500
Cek dibayar kepada pembekal	8 260
Diskaun ( sebelah kredit buku tunai)	220
Diskaun ( sebelah debit buku tunai)	360
Cek pelanggan tak laku	500
Diskaun diberi dibatalkan	40
Hutang lapuk dihapuskan	68
Pindahan jualan sebagai sebahagian daripada bayaran bagi belian	432

**Anda dikehendaki:**

- (a) Menyediakan:
- Akaun kawalan belum terima [10 markah]
  - Akaun kawalan belum bayar [6 markah]
- (b) Menghitung:
- jumlah jualan [1 markah]
  - jumlah belian [1 markah]
- (c) Nyatakan 2 tujuan akaun kawalan disediakan [2 markah]

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**

**BUKU TUNAI****LAMPIRAN A**

Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank

## LAMPIRAN B

[illegible]